



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA
Secretary General
Ministry of Works Malaysia
Tingkat 5, Blok A
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur
MALAYSIA

Telefon : 603 - 8000 8000
Faks : 603 - 2711 6564
Laman Web : www.kkr.gov.my

Ruj. Kami : KKR.BK.100-4/1 (13)
Tarikh : 10 Januari 2022

SURAT PEKELILING DALAMAN KEWANGAN BIL. 1 TAHUN 2022

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PENETAPAN KADAR DAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN KEPAKARAN DARIPADA KALANGAN BUKAN PEGAWAI AWAM DALAM PROGRAM RASMI KERAJAAN BAGI KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN JABATAN KERJA RAYA

1. Tujuan

- 1.1 Surat Pekeliling Dalaman ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai garis panduan dalaman Kementerian Kerja Raya (KKR) tentang penetapan kadar dan perolehan perkhidmatan kepakaran daripada bukan penjawat awam yang terlibat dalam program rasmi Kerajaan kepada semua bahagian dan cawangan di bawah KKR dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

2. Latar Belakang

- 2.1 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.9 bagi Penetapan Kadar dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan yang berkuat kuasa pada 15 Januari 2021 bertujuan untuk memastikan penetapan kadar bayaran kepada golongan sasar dan perolehan perkhidmatan kepakaran daripada kalangan bukan pegawai awam dalam program rasmi Kerajaan dapat dilaksanakan dengan teratur serta meningkatkan produktiviti sektor awam. Pekeliling ini merupakan rujukan yang komprehensif bagi kadar bayaran kepada golongan sasar dan perolehan perkhidmatan kepakaran daripada kalangan bukan penjawat awam dalam program rasmi Kerajaan.
- 2.2 Mengambil kira peredaran masa dan kadar bayaran yang unik mengikut kepakaran/bakat masing-masing, Kementerian Kewangan (MOF) telah memberi penurunan kuasa kepada Pegawai Pengawal bagi meluluskan kadar bayaran bukan pegawai awam melalui surat bil. (24) dalam rujukan MOF.PAM.600-29/78/1 bertarikh 19 Ogos 2020.

'KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT'



CERTIFIED ISO 9001:2008
CERT NO ART 0330

CERTIFIED ISO 9001:2008
CERT NO ART 0330

CERTIFIED ISO 9001:2008
CERT NO ART 0330

- 2.3 Selain itu, berdasarkan Perenggan 12 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.9, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk mewujudkan kawalan dalaman bagi menetapkan kadar perbelanjaan yang melibatkan bukan pegawai awam.
- 2.4 Sehubungan itu, KKR menggariskan kadar bayaran kepada golongan sasar dan pelaksanaan perolehan perkhidmatan kepakaran daripada kalangan bukan penjawat awam dalam program rasmi Kerajaan sebagai rujukan bagi penetapan kadar dan pelaksanaan perolehan secara runding terus bagi perkhidmatan mengikut had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus sepertimana Perenggan 4 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP10.9.

3. Takrifan:

- 3.1 **“Golongan sasar”** merujuk kepada orang awam yang mana penglibatannya menjadi sebahagian daripada objektif dalam penganjuran program rasmi Kerajaan seperti pelajar sekolah, petani, nelayan, orang kelainan upaya dan lain-lain penyertaan individu bukan pegawai awam sebagai sukarelawan dalam program rasmi Kerajaan.
- 3.2 **“Bukan pegawai awam”** merujuk kepada mana-mana pegawai bukan daripada perkhidmatan awam sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 132(1) Perlembagaan Persekutuan.
- 3.3 **“Program rasmi Kerajaan”** merangkumi:
 - 3.3.1 **“Majlis/acara rasmi Kerajaan”** merujuk kepada mesyuarat/persidangan/konvensyen yang diadakan di peringkat Antarabangsa/Kebangsaan/Kementerian/Jabatan, program meraikan pelawat iaitu orang kenamaan atau rombongan rasmi dari dalam atau luar Negara yang diakui terwajib diraikan secara rasmi berkaitan dengan urusan Kerajaan, acara pelancaran atau perasmian serta penutup sesuatu projek/pertandingan oleh Kementerian/Jabatan;
 - 3.3.2 **“Latihan”** adalah ditafsirkan sebagai proses perkongsian ilmu dan kemahiran bertujuan menambah pengetahuan, kompetensi dan sikap yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan serta tuntutan semasa sesebuah organisasi. Ia meliputi konvensyen, kursus, bengkel/retreat, makmal (*lab*), seminar/taklimat, kolokium, forum, simposium, lawatan rasmi/korporat/sambil belajar, klinik kaunseling dan program lain yang memenuhi definisi latihan; dan
 - 3.3.3 **“Kempen”** atau program khusus termasuk bertemu pelanggan oleh Agensi Kerajaan yang melibatkan penyertaan warga jabatan atau orang ramai.

3.4 “**Kepakaran Utama**” merujuk kepada khidmat kepakaran yang diperlukan di dalam sesuatu program rasmi Kerajaan di KKR dan JKR seperti berikut:

3.4.1 **Penceramah**

Mana-mana perkhidmatan kepakaran teknikal dan bukan teknikal yang utama di dalam sesuatu program rasmi Kerajaan seperti Penceramah, Panel Forum dan Pembentang Kertas Kerja. Penceramah teknikal perlu mempunyai kelayakan akademik yang diiktiraf dalam bidang berkaitan. Manakala, bagi penceramah bukan teknikal yang tidak mempunyai kelayakan akademik, perlu mempunyai pengalaman dan tahap kemahiran yang spesifik dan wajar dalam bidang berkaitan (contoh *subject-matter expert (SME)*, bilangan penerbitan, *social media influencer*).

3.4.2 **Pakar Teknikal**

Mana-mana perkhidmatan kepakaran teknikal yang mempunyai kelayakan akademik yang diiktiraf oleh Pusat Latihan di bawah KKR/JKR seperti Panel Penilai Program Competency Based Accreditation System (CBAS) dan Certified Value Management (CVM).

3.4.3 **Pakar Bukan Teknikal**

Mana-mana perkhidmatan kepakaran bukan teknikal yang dilantik oleh Pusat Latihan di bawah KKR/JKR bagi kemajuan dan peningkatan kerjaya kakitangan KKR/JKR seperti Panel Penemuduga, Panel Hakim, Pengadil, Juri, Motivator dan Moderator.

3.5 “**Kepakaran Sokongan**” merujuk kepada mana-mana perkhidmatan kepakaran yang menyokong kepakaran utama di dalam sesuatu program rasmi Kerajaan seperti Fasilitator, Mentor-mentee, Jurulapor, Pembantu Jurulatih, Pembantu Juruaudit, Jurubahasa/Penterjemah, Pengacara Majlis, Pembaca Doa, Qari/Qariah dan Tenaga Kreatif yang mempunyai kemahiran tertentu (Penyanyi, Penari, Pemuzik, Juru demo, Jurumekap dan Jurugambar).

4. Kadar Kelayakan

4.1 Bayaran Saguhati

4.1.1 Kadar kelayakan bayaran saguhati bagi bukan pegawai awam di KKR dan JKR yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

Perkhidmatan Kepakaran	Kadar (RM/jam)
Kepakaran utama	
i. Penceramah	
PhD	RM400 (tempatan) / USD100 (luar negara)
Sarjana	RM300
Sarjana Muda	RM200
Diploma/Sijil/setara	RM100
ii. Pakar Teknikal	RM200
iii. Pakar Bukan Teknikal	RM100
Kepakaran Sokongan	RM90

- 4.1.2 Kadar bayaran ini adalah tertakluk kepada maksimum tuntutan untuk 18 jam bagi satu program rasmi Kerajaan.
- 4.2 Elaun makan dan elaun penginapan hotel yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

Jenis Elaun	Negeri	Jumlah Kelayakan
Elaun Makan	Semenanjung	RM 45
	Sabah dan Sarawak	RM 65
Elaun Penginapan/ Hotel	Semenanjung	RM 220
	Sabah dan Sarawak	RM 250

- 4.3 Kadar tuntutan perjalanan mengikut jenis kenderaan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

Jenis Kenderaan	Jarak	Jumlah Kelayakan
Kereta	500km pertama	RM 0.85/km
	501km dan seterusnya	RM 0.75/km
Motosikal	500km pertama	RM 0.55/km
	501km dan seterusnya	RM 0.45/km

- 4.4 Kadar bagi perkara-perkara lain seperti persembahan, hadiah-hadiah pertandingan, bayaran artis/pemain muzik adalah bergantung kepada sebut harga yang dikeluarkan oleh pengajur yang setuju dilantik oleh

Kementerian atau melalui cadangan berdasarkan kajian pasaran atau rujukan daripada lain-lain Kementerian atas acara yang sama.

- 4.5 Sebarang permohonan dan pengecualian berhubung perkara di Perenggan 4.1, 4.2, 4.3 dan 4.4 Surat Pekeliling Dalaman ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, sekurang-kurangnya 4 minggu sebelum program rasmi Kerajaan dilaksanakan.

5. Kaedah dan Had Nilai Pihak Berkuasa Melulus

- 5.1 Kaedah bagi had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus adalah perlu merujuk seperti jadual berikut:

Bil.	Had Nilai Perbelanjaan*	Pihak Berkuasa Melulus
i.	Sehingga RM20 ribu	Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis.
ii.	Melebihi RM20 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga
iii.	Melebihi RM500 ribu	Lembaga Perolehan Agensi (tanpa had nilai)

*Jumlah keseluruhan perbelanjaan melibatkan kadar perkhidmatan, pembelian hadiah berbentuk barang, pemberian wang tunai, bayaran saguhati/tuntutan perjalanan/pengangkutan, bayaran makan minum, penginapan dan lain-lain yang terlibat bagi bayaran kepada bukan pegawai awam tersebut dalam program rasmi Kerajaan.

6. Laporan Penganjuran Program Rasmi Kerajaan Melibatkan Bukan Penjawat Awam

- 6.1 Laporan penganjuran program rasmi Kerajaan melibatkan bukan penjawat awam perlu disediakan secara berkala bagi setiap suku tahun (31 Mac, 30 Jun, 30 September dan 31 Disember) berdasarkan format di **Lampiran 1**. Laporan ini perlu dikemukakan sebelum atau pada 7 haribulan berikutnya kepada:

Cawangan Kemudahan, Elaun dan Pelbagai
Bahagian Kewangan,
Kementerian Kerja Raya
Tingkat 3, Blok A, Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 KUALA LUMPUR

7. Penguatkuasaan


- 7.1 Surat Pekeliling Dalaman ini berkuatkuasa bermula daripada tempoh ia ditandatangani dan semua bahagian dan cawangan di KKR dan JKR hendaklah mematuhi arahan sepertimana yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK WAN AHMAD UZIR BIN HJ WAN SULAIMAN)

Ketua Setiausaha

Kementerian Kerja Raya

MALAYSIA

LAMPIRAN 1

**LAPORAN PENGANJURAN PROGRAM RASMI KERAJAAN
MELIBATKAN BUKAN PENJAWAT AWAM**

TARIKH LAPORAN : 31 MAC/30 JUN/30 SEPTEMBER/31 DISEMBER

KEMENTERIAN : KEMENTERIAN KERJA RAYA

Bil.	Perkara	Kadar Bukan Penjawat Awam
1.	Contoh 1: Program: Kursus Pengurusan Projek Pembangunan Tarikh Program: 17 Oktober 2021	Contoh 1: Bayaran penceramah : RM1,200/orang (6 jam) Tuntutan elaun makan: RM45/hari Tuntutan perjalanan: RM200
2.	Contoh 2: Program: Pertandingan Fotografi Tarikh Program: 20 Oktober 2021 Tarikh Kelulusan: (Tarikh kelulusan kadar yang bukan ditetapkan melalui Surat Pekeliling Dalaman ini. Tidak perlu dinyatakan jika menggunakan kadar yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Dalaman ini)	Contoh 1: Juri* : RM100/orang Kadar Hadiah** Tempat Pertama : RM1,000.00 Tempat Kedua : RM800 Tempat Ketiga : RM600 Makan Minum**: RM15/orang Nota: *Kadar yang ditetapkan berdasarkan Surat Pekeliling Dalaman **Kadar yang ditetapkan di dalam sebut harga atau kadar yang dipohon dan diluluskan oleh Bahagian Kewangan.
3.		
4.		
5.		